

# BINA

BULETIN KEMENTERIAN KERJARAYA

JANUARI - APRIL 2018 | 01

## KAEDAH CIPR MENJIMATKAN KOS BAIKPULIH JALANRAYA

4

MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2018 (ICW 2018)

PEMBUKAAN JAJARAN CENTRAL SPINE ROAD  
(CSR) LIPIS - MERAPOH

6

12

INOVASI TEKNOLOGI GETAH CMA PROJEK MEMBINA  
SEMULA JALAN PERSEKUTUAN FTO1 YONG PENG



9 781565 924796



# KANDUNGAN

## BERITA

- 3** Membaikpulih Jalan Menggunakan Kaedah Cold-In-Recycling (CIPR)
- 4** Minggu Pembinaan Antarabangsa 2018 (ICW 2018)
- 5** Konvensyen Usahanita Binaan 2018 (KUBINA 2018)
- 5** Hari BIM 2018 CIDB
- 6** Pembukaan Jajaran *Central Spine Road (CSR)* Lipis – Merapoh
- 7** Inovasi Teknologi Getah CMA Projek Membina Semula Jalan Persekutuan FT01 Yong Peng
- 7** Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan (FT03) Dari Bandar Pekan Ke Kampung Sungai Miang, Pekan, Pahang
- 8** Projek Hospital Parit Buntar, Perak
- 8** Projek Tebatan Banjir SMK Panglima Bukit Gantang, Perak
- 9** Pembukaan Laluan Mersing – Kuantan FT003
- 12** Pembukaan Jalan Empat Lorong Dari Matang ke Stapok, Sarawak

## KHAS

- 10** Projek Pembinaan Semula dan Menaiktaraf Sekolah Daif Menggunakan Kaedah Industrialised Building System (IBS) di Seluruh Negara
- 10** Majlis Serah SST Projek Sekolah Daif Semenanjung - 2 Mac 2018
- 11** Majlis Serah SST Projek Sekolah Daif Semenanjung - 23 Februari 2018
- 11** Majlis Serah SST Projek Sekolah Daif Sabah - 26 Februari 2018

## LENSA

- 13** Lensa BINA 01 2018

## MEDIA

- 18** KKR Media Sosial

## AKHBAR

- 19** KKR Keratan Akhbar



# MEMBAIKPULIH JALAN MENGUNAKAN KAEDAH COLD-IN-RECYCLING (CIPR)

**P**EKAN 22 MAC 2018: Pemangku Raja Pahang Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkenan mencemar duli menyempurnakan Perasmian Projek Membaikpulih Jalan Menggunakan Kaedah *Cold-In-Recycling* (CIPR) di Jalan Teluk Ganchong Lepar, Pekan, Pahang.

Kaedah CIPR ditakrifkan sebagai mengitar semula pavemen sedia ada dengan agen penstabil bagi membentuk lapisan asas jalan raya yang kukuh. CIPR sesuai digunakan untuk membaik pulih jalan yang mempunyai kerosakan struktur seperti keretakan serius dan perubahan bentuk jalan.

Teknik ini merupakan alternatif bagi pembaikan secara konvensional disamping dapat menjimatkan kos pembinaan sebanyak 30 peratus berbanding penggunaan teknik konvensional serta dapat memanjangkan hayat penggunaan jalan raya dan mesra alam. Turut berangkat Tengku Puan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.





# MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2018 (ICW 2018)

**K**UALA LUMPUR, 27 MAC 2018: Menteri Kerja Raya YB Dato' Seri Haji Fadillah Bin Haji Yusof telah merasmikan Minggu Pembinaan Antarabangsa 2018 (*International Construction Week, ICW 2018*) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Convention Centre, KLCC*).

Dalam ucapannya, Menteri Kerja Raya menyeru agar pemain industri dapat meningkatkan kesedaran dalam sektor pembinaan dengan mengembangkan dan meningkatkan tahap produktiviti disamping mengaplikasi teknik pembinaan moden seperti Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building System, IBS*) dan Pemodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modelling, BIM*).

ICW merupakan acara tahunan perdana untuk industri pembinaan bukan sahaja di Malaysia tetapi melibatkan rantau Asia Tenggara dan tahun ini merupakan tahun ke-18 acara ini diadakan dengan tema '*Achieving Peak Industry*'. Pameran ICW berlangsung dari 26 Mac hingga 30 Mac 2018 dan melibatkan lebih 100 peserta pameran.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Pengerusi Bersama UBM Malaysia, Jeneral Tan Sri Panglima Mohamed Azumi Mohamed dan Ketua Eksekutif CIDB, Datuk Ir. Ahmad Asri Abdul Hamid.





## KONVOKESYEN USAHANITA BINAAN 2018 (KUBINA 2018)

**K**UALA LUMPUR, 27 Mac 2018: Konvensyen Usahanita Binaan (KUBINA) telah diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (*Kuala Lumpur Convention Centre - KLCC*) pada bersempena dengan *International Construction Week (ICW) 2018*.

KUBINA ditubuhkan untuk mewujudkan satu perantara kepada pemimpin pembinaan wanita untuk bertukar pengalaman, membina rangkaian profesional dan meneroka potensi perniagaan.

KUBINA 2018 dianjurkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) dan Lembaga Jurukur Bahan Malaysia (LJBM) dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya Malaysia, Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Wanita Industri Binaan Malaysia (WIBM).



## HARI BIM 2018 CIDB

**K**UALA LUMPUR, 29 MAC 2018: Hari Pemodelan Maklumat Bangunan (*Building Information Modelling, BIM Day*) anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (*Construction Industry Development Board, CIDB*) telah berlangsung di Pusat Konvensyen CIDB, Kuala Lumpur bertemakan *Digital Construction - BIM: The Time Is Now*.

Dalam majlis ini, YBhg Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya telah menyampaikan hadiah kepada pasukan Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan pemenang pertandingan *Intervarsity BIM Marathon*. Pertandingan ini disertai sembilan institut pengajian tinggi awam dan peserta perlu menghasilkan model BIM dalam tempoh masa 66 jam tanpa henti dari 19 hingga 22 Mac 2018 yang dijalankan di myBIM Centre Studio and Lab, Kuala Lumpur.

# PEMBUKAAN JAJARAN CENTRAL SPINE ROAD (CSR) LIPIS - MERAPOH



LIPIS, 25 April 2018: Majlis Perasmian Pembukaan *Central Spine Road* (CSR) Seksyen 3E2: Merapoh ke Kampung Kubang Rusa, Lipis telah disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak di tapak perasmian projek di Lipis, Pahang.

Pembukaan jalan ini merupakan antara inisiatif kerajaan Persekutuan dalam menyediakan laluan baru menghubungkan Pantai Timur dan Pantai Barat disamping dapat mengurangkan kesesakan terutamanya ketika musim perayaan serta dapat membantu meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk di negeri-negeri Pantai Timur.

Projek pembinaan jalan sepanjang 14 Kilometer (KM) ini sebahagian daripada enam pakej keseluruhan sepanjang 461 KM meliputi Kota Bharu, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang.

Lebuhraya CSR yang dibina juga merupakan projek yang berkualiti tinggi dan telah menerima banyak anugerah atas pencapaian yang diperolehi antaranya termasuklah penjimatan kos sebanyak RM 35 Juta dan siap lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan. Projek ini juga telah mendapat pengiktirafan SIRIM kerana memenuhi kriteria 5S yang telah

ditetapkan serta menerima anugerah inovasi atas pemasangan *Non Woven Geotekstil* pada Culvert dan blok konkrit pada jambatan.

Projek yang mula dilaksanakan pada tahun 2015 ini dibina berasaskan pembinaan jalan empat lorong dua hala mengikut piawaian JKR R5 dan telah siap sepenuhnya pada 14 Mac 2018.

Infrastruktur yang dibina termasuklah satu persimpangan selaras, dua jambatan merentasi sungai, enam *vehicular box culvert* dan dua *smart vehicular box culvert*.

Turut hadir Menteri Besar Pahang, YAB Datuk Seri Adnan Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob dan Ketua Pengarah Kerja Raya, YBhg Dato' Sri Ir. Roslan bin Md. Taha.



## INOVASI TEKNOLOGI GETAH CMA PROJEK MEMBINA SEMULA JALAN PERSEKUTUAN FT01 YONG PENG

**J**OHOR, 11 Februari 2018: Projek Membina Semula Jalan Persekutuan FT01 Yong Peng Segamat daripada Kampung Desa Temu Jodoh hingga Kampung Kwong Sai, Segamat telah terpilih sebagai projek perintis berskala besar penggunaan campuran getah asli cup lumps sebagai bahan tambah (*additive*) dalam campuran asphalt (CMA) iaitu bahan dalam pembinaan jalan raya untuk 10 kilometer (km) daripada keseluruhan 40 km jajaran projek ini.

Antara objektif utama kajian perintis ini ialah untuk menguji keberkesanan dan prestasi CMA dalam pelbagai jenis asphalt dan membangunkan garis panduan pembinaan jalan dengan menggunakan CMA. Berdasarkan pemerhatian awal, kajian CMA secara keseluruhannya menunjukkan kesan positif dan dijangka dapat meningkatkan ketahanan permukaan jalan.

Penggunaan CMA dalam turapan jalan juga dilihat mampu untuk meningkatkan prestasi jalan berbanding turapan asphalt konvensional. Kos penyenggaraan dijangka dapat dikurangkan dalam tempoh kitaran hayat jalan yang dipercayai lebih berketahanan tinggi dengan penggunaan CMA. Selain itu, penggunaan CMA dalam pembinaan jalan dapat memperbanyakkan pilihan terhadap bahan asas tempatan dan sekaligus dapat meningkatkan permintaan getah asli.

Projek Membina Semula Jalan Persekutuan FT01 Yong Peng Segamat menelan kos sebanyak RM92.3 juta peruntukan Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11) dibina dengan piawaian R5 ini bermula pada 23 Oktober 2017 (tarikh pemilikan tapak) dan dijadual siap pada April 2020. Perasmianya telah disempurnakan oleh YAB Dato Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.



## PROJEK MENAIK TARAF JALAN PERSEKUTUAN (FT03) DARI BANDAR PEKAN KE KAMPUNG SUNGAI MIANG, PEKAN, PAHANG

**P**EKAN, 15 APRIL 2018: Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan (FT03) dari Bandar Pekan ke Kampung Sungai Miang, Pahang sepanjang 14.7 kilometer melibatkan penambahan lorong daripada jalan tunggal dua lorong kepada jalan berkembar empat lorong sepanjang 13 kilometer dari persimpangan Kg. Tanjung Agas ke Kg. Sg. Miang serta penambahbaik piawaian untuk jalan dua lorong sedia ada daripada Bandar Pekan ke persimpangan Kg. Tanjung Agas (1.7 km) iaitu daripada Piawaian R3 kepada Piawaian R5.

Penambahbaikan jalan juga turut melibatkan penggantian jambatan sedia ada dengan jambatan baharu iaitu Jambatan Sungai Habib Hasan sepanjang 30 meter, Jambatan Sungai Miang (108m) dan Jambatan Sungai Air Tawar (70m).

Projek ini merupakan antara inisiatif kerajaan untuk menyediakan infrastruktur terbaik dan berkualiti disamping dapat menjana pendapatan khususnya kepada penduduk sekitar Pekan melalui sektor perlancongan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Teras Sari Resources Sdn. Bhd. merupakan kontraktor terpilih yang dilantik untuk menjalankan projek yang dijangka siap pada awal Februari 2022.





# PROJEK HOSPITAL PARIT BUNTAR, PERAK

**P**ERAK, 20 Februari 2018: Pembinaan Hospital Parit Buntar bakal memberi manfaat kepada kira-kira 120,000 orang penduduk sekitar terutamanya di Daerah Kerian. Pembinaan hospital ini memasuki fasa 3 iaitu kerja-kerja bangunan dengan tarikh milik tapak pada 2 Januari 2018 dan dijangka akan disiapkan pada 28 Disember 2020.

Antara skop kerja fasa 3 yang akan dibangunkan ialah 1 blok bangunan hospital utama, 1 blok mekanikal dan elektrik, 1 blok

rumah sampah, 1 unit setor mudah terbakar dan beberapa keperluan lain bagi melengkapi sebuah unit hospital dengan kemudahan 76 katil.

Hospital yang dibina di atas kawasan seluas 21 hektar (53 ekar) ini bakal menempatkan wad perubatan, pembedahan, orthopedik, pediatrik, wad ibu bersalin, pesakit luar, termasuk bahagian kecemasan, rehabilitasi dan hemodialisis. Hospital ini turut dilengkapi dengan kemudahan makmal pathology dan x-ray serta bilik untuk melakukan pembedahan.

## PROJEK TEBATAN BANJIR SMK PENGLIMA BUKIT GANTANG, PERAK

**P**ARIT BUNTAR, 20 Februari 2018: Masalah banjir kilat yang kerap melanda Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Panglima Bukit Gantang, di sini sejak sepuluh tahun lalu bakal diselesaikan menerusi pelaksanaan projek tebatan banjir sepanjang 800 meter bernilai RM2 juta di kawasan sekolah berkenaan.

Perlaksanaan projek ini dijangka disiapkan pada Julai 2018 turut memberi manfaat kepada kawasan perumahan dan kampung berhampiran yang turut terjejas banjir sebelum ini.



Hasil lawatan kerja ke sekolah itu sebelum ini, Jabatan Kerja Raya (JKR) diarah untuk mengkaji semula keberkesanan sistem perparitan dan berikutan itu, kerajaan pusat meluluskan pelaksanaan projek tebatan banjir yang turut dilengkapi kolam takungan air hujan.





# PEMBUKAAN LALUAN MERSING - KUANTAN FT003

**M**ERSING, 5 Februari 2018: Jalan Persekutuan FT003 Johor Bahru – Kuantan di Mersing yang terputus akibat tanah runtuh pada 15 Januari 2018 yang lalu berjaya dibuka semula kepada kenderaan umum hasil tindakan pantas dan kerjasama erat antara Cawangan Kejuruteraan Cerun, Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, Kementerian Kerja Raya (KKR), JKR Johor dan JKR Daerah Mersing.

Laluan ini dibuka kepada kenderaan ringan bermula 31 Januari 2018 manakala untuk kenderaan berat bermula pada 5 Februari 2018 dan dianggarkan sebanyak 10 ribu kenderaan yang menggunakan laluan tersebut dalam sehari bakal mendapat manfaat.

Kronologi bencana ini bermula pada 15 Januari lalu dimana berpunca daripada hujan yang berterusan selama beberapa hari berturut-turut dan mengakibatkan hakisan dengan kedalaman 15 meter dan panjang 80 meter di KM 16 laluan tersebut.



# PROJEK PEMBINAAN SEMULA DAN MENAIKTARAF SEKOLAH DAIF MENGGUNAKAN KAEDAH INDUSTRIALISED BUILDING SYSTEM (IBS) DI SELURUH NEGARA

**S**ewaktu pembentangan Bajet 2018, peruntukan sebanyak RM2.5 billion untuk 2000 sekolah yang berada dalam keadaan daif seperti bumbung bocor, lantai rosak, dinding berlubang dan peralatan lama yang tidak berganti.

## MAJLIS SERAH SST PROJEK SEKOLAH DAIF SEMENANJUNG - 2 MAC 2018

- Sebanyak 29 kontraktor telah menerima SST bagi projek ini iaitu Kedah (6) Perak (1) Selangor (5) Negeri Sembilan (2) Melaka (2) Johor (3) Pahang (1) Terengganu (3) Kelantan (5) dan Labuan (1).
- Majlis Penyerahan SST ini telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, Dato' Sri Zohari Akob.





## MAJLIS SERAH SST PROJEK SEKOLAH DAIF NEGERI SARAWAK - 23 FEBRUARI 2018

- Sebanyak RM1 billion diperuntukkan untuk Negeri Sarawak.
- Fasa 1 dilaksanakan oleh JKR Sarawak melibatkan 50 buah sekolah, 13 pakej, 13 kontraktor dengan anggaran kos projek bernilai RM130,621,000.00.
- Sebanyak 66 lagi projek menaiktaraf sekolah daif di Sarawak bagi Fasa 1 akan dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- Skop projek yang mengandungi 294 Bilik Darjah, 12 Asrama, 7 Bilik Sains, 28 unit Tandas dan 6 Dewan Makan.
- Tempoh penyiapan projek ini dijangkakan dalam masa 4 bulan menggunakan teknologi IBS secara sepenuhnya.

## PENYERAHAN SST PROJEK SEKOLAH DAIF SABAH - 26 FEBRUARI 2018

- Sebanyak RM1 billion di Sabah yang akan dilaksanakan dalam tempoh masa dua (2) tahun iaitu tahun 2018 dan 2019.
- Bagi memenuhi keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Kewangan telah bersetuju meluluskan pertambahan skop dengan kos sebanyak RM34,100,000.00 yang menjadikan kos keseluruhan projek adalah sebanyak RM164,000,000.00.
- Ia dilaksanakan secara rundingan terus yang melibatkan sebanyak 37 buah sekolah.
- JKR Malaysia telah melantik JKR Negeri Sabah selaku agensi pelaksana bagi projek tersebut.
- Tempoh penyiapan projek ini dijangkakan dalam masa 4 bulan menggunakan teknologi IBS secara sepenuhnya.



- Bagi Projek Penyelenggaraan Sistem Solar Hibrid Bagi Sekolah-sekolah Luar Bandar Negeri Sabah pula, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM24 juta untuk pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan sistem solar hibrid di 138 buah sekolah-sekolah di Sabah yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia.
- Program penyelenggaraan ini yang merangkumi dua (2) pakej dilaksanakan dengan kaedah perolehan secara tender terbuka. Program ini akan dilaksanakan untuk tempoh dua tahun, sehingga 23 Februari 2020.



# PEMBUKAAN JALAN EMPAT LORONG DARI MATANG KE STAPOK, SARAWAK

**K**UCHING, 19 APRIL 2018: Projek Jalan Empat Lorong dari Matang ke Stapok serta Pembinaan Jambatan Baharu merentasi Sungai Sarawak adalah satu inisiatif Kerajaan dalam menyediakan jalan alternatif bagi menyuraikan trafik yang menggunakan Jalan Satok dan Jalan Kulas dan juga Jambatan Satok yang merentasi Sungai Sarawak. Ini adalah berikutan laluan ini yang menghubungkan Bandaraya Kuching dengan Petra Jaya tidak dapat lagi menampung aliran trafik dari kawasan Matang khasnya bagi laluan menuju ke Bandaraya Kuching / Kuching International Airport / Kuching / Kuching Sentral pada waktu puncak.

Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 145 juta untuk projek ini yang telah mula pembinaan pada bulan April 2015 dan dirasmikan pada hari yang bersejarah ini oleh YAB Ketua Menteri Sarawak. Dengan siapnya jalan dan jambatan baharu ini,



perjalanan dari Matang ke Kuching International Airport / Kuching Sentral dianggarkan akan berkurang sebanyak 15 hingga 30 minit pada waktu puncak dan *Level of Service (LOS)* di Jambatan Satok dapat ditingkatkan daripada tahap F ke tahap C atau D.

Skop projek ini merangkumi penaiktarafan jalan 4 lorong 2 hala sepanjang 1.5 kilometer, membina jalan baru 4 lorong 2 hala sepanjang 2.9 kilometer dan membina jambatan baru merentasi Sungai Sarawak sepanjang 320 meter.

Penempatan Pekerja  
Berpusat atau Centralised  
Labour Quarters (CLQ)  
CLQ V, Shah Alam




18 Januari 2018



Pusat Penempatan Pekerja Binaan CLAB CLQ V dibina dengan hasrat menjaga kebajikan dan keselamatan para pekerja selari dengan hasrat Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP).

# LENSA BINA 2018

Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid,  
Kementerian Kerja Raya



25 Januari 2018



Penyampaian amanat 2018 pada perhimpunan bulanan Januari yang dihadiri oleh semua warga Kerja Raya.



# MILLENNIUM RELEASES

Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid  
Kompleks Kerja Raya  
Kementerian Kerja Raya



**Seminar on Traffic Management at Work Zone – Meeting Mobility and Safety Needs** memfokuskan aspek peningkatan keselamatan dan keselesaan infrastruktur, cabaran dan keperluan pelaksanaan pengurusan trafik di zon kerja.



6 Mac 2018

# LENSA BI



Pusat Konvensyen CIDB



**Program Pemerkasaan Wanita 2018** bertujuan memberi inspirasi kepada wanita yang bersaing dalam industri pembinaan selain pendedahan tentang isu wanita.



20 Februari 2018

Hotel Perdana, Kota Bharu



25 Februari 2018



Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara CIDB MyIBIS (anak syarikat CIDB) dengan Persatuan Kontraktor Perumahan Kelantan (PKPK) bertujuan menggalakkan penggunaan IBS dalam pembinaan rumah-rumah di Negeri Kelantan.

# N A 2018

Forest City dan Daiwa House,  
Johor Bahru



27 Februari 2018



Lawatan IBS ke Forest City dan Daiwa House serta Majlis Menandatangani Memorandum of Understanding (MoU) antara CIDB dan Iskandar Regional Development Authority (IRDA) bertujuan meningkatkan penggunaan IBS dan MyCREST di Wilayah Pembangunan Iskandar.



Dewan Tanjung,  
Kementerian Kerja Raya



Sesi Ramah Mesra dan Sambutan Tahun Baru Cina Kementerian Kerja Raya 2018 bersama Warga Kementerian dan Agensi.



6 Mac 2018

# LENSA BI



Dewan Tanjung,  
Kementerian Kerja Raya



Mesyuarat Agung Puspanita cawangan Kementerian Kerja Raya kali ke-36 dipengerusikan Datin Sri Norita binti Ibrahim, Pengerusi Puspanita KKR.



26 Januari 2018



Dewan Tanjung,  
Kementerian Kerja Raya



15 Mac 2018



Taklimat Pengukuhan Pengurusan Aduan Kementerian Kerja Raya dan Agensi berhubung aplikasi aduan jalan KKR (*Mobile Apps*) dan sistem pengurusan aduan kerosakan jalan KKR (MORC) anjuran Unit Komunikasi Korporat KKR dihadiri seramai 194 pentadbir aduan dari seluruh Malaysia.

# N A 2018

Dewan Tanjung,  
Kementerian Kerja Raya



15 Mei 2018



Ketua Setiausaha KKR, YBhg. Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob merasmikan Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Kejohanan Sukan Antara Bahagian KKR 2018 yang dijuarai Pasukan Paver.



**JAN 2018 SUMMARY**

- Tweets **150**
- Tweets Impressions **329K**
- Profile Visits **4,813**
- Mentions **1,829**
- New Followers **460**



**FEB 2018 SUMMARY**

- Tweets **205**
- Tweets Impressions **332K**
- Profile Visits **5,031**
- Mentions **1,930**
- New Followers **419**



**MAR 2018 SUMMARY**

- Tweets **284**
- Tweets Impressions **362K**
- Profile Visits **6,022**
- Mentions **2,384**
- New Followers **461**



**APR 2018 SUMMARY**

- Tweets **132**
- Tweets Impressions **232K**
- Profile Visits **3,854**
- Mentions **1,890**
- New Followers **328**



# Join Like & Follow Kami

Like . Follow . Share . Tag



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya



kk\_r\_malaysia



Kementerian Kerja Raya Malaysia Official



## Jalan berasas getah siap dibina

Permatang di akhir, hari terakhir kepada masyarakat

KUALA LUMPUR - Persekitaran bandar Permatang di akhir hari terakhir kepada masyarakat. Persekitaran bandar Permatang di akhir hari terakhir kepada masyarakat. Persekitaran bandar Permatang di akhir hari terakhir kepada masyarakat.



## Hospital baharu Kuala Krai dijangka siap 30 Mac ini



HOSPITAL baharu Kuala Krai yang dijangka siap pada 30 Mac ini.

KUALA LUMPUR - Pembinaan hospital baharu Kuala Krai, Kelantan dijangka siap sepenuhnya 30 Mac ini. Setiap laluan hospital yang bernilai RM200 juta ini boleh memuatkan kira-kira 268 katil.

"Pada masa sekarang, JKR berusaha sama dengan pihak kontraktor sedang giat melaksanakan kerja-kerja pengisian dan pemuliharaan serta pemeliharaan kerja-kerja pembaikan bilik ke bilik," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

bagi memastikan hospital berfungsi bukan sahaja siap malah turut mematuhi piawaian perkhidmatan kesihatan yang baik diberikan kepada pemakai di daerah tersebut.

## JKR kaji alternatif sesuai selepas kesesakan

HELU LANGAT - Persekitaran bandar Helu Langat kini sedang di persiapkan secara menyeluruh. Persekitaran bandar Helu Langat kini sedang di persiapkan secara menyeluruh. Persekitaran bandar Helu Langat kini sedang di persiapkan secara menyeluruh.

mentingkan jalan ini akan melibatkan kerja yang sangat tinggi khususnya dari segi pengangkutan awam tanah," katanya.

Selaras (Ag. Media) di sini, Menteri Kanan (K) Kerja Raya, Datuk Seri Dr. Hani Yahaya berkata, pelaksanaan pembinaan hospital tersebut sedang memasuki fasa akhir.

## Penggunaan IBS semakin meningkat

SEKELUUP - Penggunaan IBS (Insulated Block System) semakin meningkat dalam projek pembinaan. Penggunaan IBS (Insulated Block System) semakin meningkat dalam projek pembinaan. Penggunaan IBS (Insulated Block System) semakin meningkat dalam projek pembinaan.



Sebuah projek pembinaan menggunakan IBS.

## Sektor pembinaan negara diunjur berkembang 7.5 peratus

KUALA LUMPUR - Sektor pembinaan negara diunjur berkembang 7.5 peratus pada tahun ini. Sektor pembinaan negara diunjur berkembang 7.5 peratus pada tahun ini. Sektor pembinaan negara diunjur berkembang 7.5 peratus pada tahun ini.

Menurut laporan itu, ia hanya mengandungi kira-kira faktor-doktor seperti proses penyusunan, pemeliharaan peralatan, pemantauan dan juga operasi klinikal.

## Pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo di Sarawak tetap berjalan



KUCHING - Pakatan Harapan (PH) Sarawak memberi jaminan pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo tidak akan dibatalkan manakala Kiri berusuk di bawah kepimpinan bawahan kerajaan Persekutuan.

## BENTONG BYPASS A BOOK TO RESIDENTS

BENTONG - Pihak berkuasa negeri Sarawak telah menyerahkan satu buku kepada penduduk di sekitar lebuh raya Bypass Bentong. Pihak berkuasa negeri Sarawak telah menyerahkan satu buku kepada penduduk di sekitar lebuh raya Bypass Bentong.

## 32 kiosks on highway offer Touch 'n Go reload service

KUALA LUMPUR - Pihak berkuasa negeri Sarawak telah menyerahkan satu buku kepada penduduk di sekitar lebuh raya Bypass Bentong. Pihak berkuasa negeri Sarawak telah menyerahkan satu buku kepada penduduk di sekitar lebuh raya Bypass Bentong.

32 kiosks on highway offer Touch 'n Go reload service. Pihak berkuasa negeri Sarawak telah menyerahkan satu buku kepada penduduk di sekitar lebuh raya Bypass Bentong.

## CIDB lahir 1,200 pelatih pengendalian kren setahun

KUALA LUMPUR - Lembaga Pengurusan Kenderaan Berat (CIDB) telah melahirkan 1,200 pelatih pengendalian kren setahun. Lembaga Pengurusan Kenderaan Berat (CIDB) telah melahirkan 1,200 pelatih pengendalian kren setahun.

1,200 pelatih pengendalian kren setahun. Lembaga Pengurusan Kenderaan Berat (CIDB) telah melahirkan 1,200 pelatih pengendalian kren setahun.

# SIDANG REDAKSI

## **Penaung**

YBhg. Dato' Sri Zahari Haji Akob  
Ketua Setiausaha KKR

## **Penasihat**

YBhg. Datuk Sarani Bin Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha  
Pengurusan KKR

## **Ketua Pengarang**

Pn Noreha Mohd Ripin  
Ketua Komunikasi Korporat

## **Pengarang**

Hadi A. Kassim  
Fauzi Baharudin  
Nur Sails Kamaruddin Nor Zaman  
Nurfarahain Rozaman  
Nasharudin Zainal

## **Jurufoto**

Mohd Faisal Bin Sahbudin  
Hidayatul Sa'adiah Binti Saad  
Jurufoto Unit Komunikasi  
Korporat Unit Komunikasi  
Korporat dan Unit Perpustakaan &  
Sumber Jabatan Kerja Raya

## **Urusetia**

Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Kerja Raya

---

## **Kementerian Kerja Raya**

@ pro@kk.gov.my

www.kkr.gov.my

KKR\_MALAYSIA

03 8000 8000

Kementerian Kerja Raya

@MOWorks

Kementerian Kerja Raya Malaysia

